



Faculty of Applied and Creative Arts

**HALA TUJU WARISAN KESENIAN JAWA WAYANG PURWA
DI BATU PAHAT, JOHOR**

**Noorain Fadzlin Binti Khairudin
48002**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2017**

**HALA TUJU WARISAN KESENIAN JAWA WAYANG PURWA DI BATU PAHAT,
JOHOR.**

NOORAIN FADZLIN BINTI KHAIRUDIN

(48002)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of2017.

Student's Declaration:

I NOORAIN FADZLIN BINTI KHAIRUDIN, 48002, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **HALA TUJU WARISAN KESENIAN JAWA WAYANG PURWA DI BATU PAHAT, JOHOR** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NOORAIN FADZLIN BINTI
KHAIRUDIN (48002)

Supervisor's Declaration:

I PROF. MADYA DR. NORIA ANAK TUGANG hereby certifies that the work entitled **HALA TUJU WARISAN KESENIAN JAWA WAYANG PURWA DI BATU PAHAT, JOHOR** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by : _____ date: _____
(Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: _____ Supervisor Signature: _____
(Noorain Fadzlin Binti Khairudin) (Prof Madya Dr. Noria Anak Tugang)

Current Address:

NO. 11 KAMPUNG PARIT SIKUN LAUT, 86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR.

Note* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service]

Catatan :* Tesis dimaksudkan tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGESAHAN

Projek bertajuk “**HALA TUJU WARISAN KESENIAN JAWA WAYANG PURWA DI BATU PAHAT, JOHOR**” telah disediakan oleh **NOORAIN FADZLIN BINTI KHAIRUDIN** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang)

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Projek Tahun Akhir (PTA) yang bertajuk “**HALA TUJU WARISAN KESENIAN JAWA WAYANG PURWA DI BATU PAHAT, JOHOR**” ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ada sesetengah maklumat yang telah saya petik dalam buku rujukan mahupun petikan maklumat dan sumber lain seperti internet. Saya telah mengolah maklumat tersebut dan saya juga telah nyatakan sumbernya.

.....
(NOORAIN FADZLIN BINTI KHAIRUDIN)

No. Matrik : 48002

Progam : Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin Yang Maha Esa, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya akhirnya Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir Pengurusan Seni saya telah disiapkan dengan jayanya. Sokongan tidak berbelah bagi daripada kesemua pihak yang telah menjadi pembakar semangat saya sepanjang menyiapkan penyelidikan ini.

Saya dengan begitu berbesar hati ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan sejuta penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr Noria Ak Tugang selaku penyelia bagi penyelidikan saya ini. Beliau sentiasa memberikan dorongan dan sokongan dalam memberikan tunjuk ajar yang mencukupi semasa pelaksanaan penyelidikan ini dibuat. Tidak lupa juga sekalung penghargaan buat barisan pensyarah-pensyarah program Pengurusan Seni yang lain kerana telah memberikan komen dan pendapat yang membina sepanjang menjayakan proses penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Encik Miskon Karim selaku pengurus Badan Kebudayaan dan Kesenian Setia Budi (KKSB) serta keluarga dan ahli-ahli jawatankuasa KKSB atas kerjasama yang telah diberikan dalam mendapatkan maklumat yang bernas berkaitan penyelidikan saya sehinggalah ke penulisan laporan kajian yang baik serta sempurna.

Tidak lupa kepada kedua-dua ibu bapa tercinta saya, Chendrawati Kadiyat dan Khairudin Yahya yang telah memberikan sepenuh kepercayaan dan sokongan padu kepada saya dalam memberikan bantuan kewangan dan nasihat sepanjang kajian ini dilakukan. Juga selembat penghargaan diberikan kepada Nur Shalima Marim, Muhammad Syawal Fitri dan rakan seperjuangan lain yang turut sama membantu dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada kesemua pihak yang terlibat dalam membantu secara langsung atau secara tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Warisan Kesenian Jawa Wayang Purwa yang melambangkan keunikan masyarakat Jawa di Batu Pahat, Johor. Fokus kajian ini ialah mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh Kumpulan Kebudayaan dan Kesenian Setia Budi (KKSB) dalam memperluaskan warisan kesenian Jawa Wayang Purwa ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan pada masa hadapan. Kaedah utama yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu menemu bual empat orang informan. Hasil kajian menunjukkan cabaran utama merupakan sumber pendapatan dan kekangan kewangan. Hasil kajian ini dapat memberikan penambahbaikan kepada pihak KKSB dan seterusnya dapat menarik minat orang ramai dalam memartabatkan warisan kesenian Jawa.

ABSTRACT

This research is about the Javanese Art Heritage of *Wayang Purwa* in Batu Pahat, Johor, which is symbolizes the uniqueness of the Java communities. The main focus of this research is to identify the major challenges that faced by Setia Budi Artistic Group in order to expand the art heritage of Javanese *Wayang Purwa* in Batu Pahat, Johor as well as the conservation and preservation in the future. Qualitative methods are used by interviewing four informants. The findings are about income and financial constraints as their major challenges. The result of this research can enhance the KKSB to attract people know more about Javanese *Wayang Purwa*.

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
TAJUK PENYELIDIKAN	
DECLARATION FORM	i
PENGESAHAN	iii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Permasalahan Kajian 3
1.3	Objektif Kajian 4
1.4	Kerangka Konseptual 5
1.5	Skop Kajian 9

1.6	Lokasi Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	11
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Masalah-masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	14

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Warisan	16
2.3	Kesenian	19
2.4	Jawa	21
2.5	Wayang	24
2.6	Purwa	25
2.7	Budaya	26
2.8	Cabaran Dalam Mengembangkan Wayang Purwa	29
2.9	Rumusan	31

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Kajian Perpustakaan	33

3.3	Kajian Kerja Lapangan	33
3.4	Instrumen Kajian	36
3.5	Rumusan	38

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	39
4.2	Analisa Data	41
4.3	Latar Belakang Dan Sejarah Penubuhan KKSB Di Batu Pahat, Johor	41
4.4	Matlamat Jangka Masa Panjang KKSB	46
4.5	Hala Tuju Aktiviti KKSB Dalam Memelihara Dan Memulihara Wayang Purwa Pada Masa Akan Datang	50
4.6	Cabaran Utama Yang Dihadapi KKSB	66
4.7	Teras Utama Pengurusan Wayang Purwa Dalam Organisasi KKSB	72
4.8	Strategi Pengurusan Organisasi KKSB Dalam Memperkembangkan Warisan Kesenian Jawa Wayang Purwa	76
4.9	Organisasi Yang Aktif Dalam Memperkembangkan Warisan Kesenian Jawa Wayang Purwa	87
4.10	Rumusan	88

BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	
5.1	Kesimpulan	89
5.2	Cadangan Kajian	92
5.3	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	93
GLOSARI		94
SENARAI RUJUKAN		95
SENARAI INFORMAN		98
SOALAN KAJI SELIDIK		99

SENARAI GAMBAR

Gambar 1 Peta Daerah Kampung Parit Nipah Laut	10
Gambar 2 Pengkaji Bersama Pengurus KKSB	44
Gambar 3 Pengkaji Bersama Pengurus KKSB Melihat Koleksi Alatan Wayang Purwa	47
Gambar 4 Buku Rekod Lawatan Rasmi KKSB	49
Gambar 5 Aktiviti Dan Bengkel Yang Dijalankan Di KKSB	51
Gambar 6 Aktiviti Dan Bengkel Yang Dijalankan Di KKSB	51
Gambar 7 Demonstrasi Membuat Wayang Purwa Di KKSB	52
Gambar 8 Demonstrasi Membuat Wayang Purwa Di KKSB	53
Gambar 9 Lawatan Kembara Mahkota Johor	54
Gambar 10 Lawatan Kembara Mahkota Johor	54
Gambar 11 Lawatan Kembara Mahkota Johor	55
Gambar 12 Koleksi Alatan Persembahan Wayang Purwa	56

Gambar 13 Koleksi Alatan Persembahan Wayang Purwa	56
Gambar 14 Penglibatan Aktiviti Dan Pameran KKSB	58
Gambar 15 Penglibatan Aktiviti Dan Pameran KKSB	58
Gambar 16 Penglibatan Aktiviti Dan Pameran KKSB	59
Gambar 17 Pameran KKSB Di Dataran Bandaraya Johor Baru	60
Gambar 18 Pameran KKSB Di Dataran Bandaraya Johor Baru	60
Gambar 19 Jemputan Ke Pameran Wayang Kulit Nusantara : Symbolisme Di Sebalik Layar di Muzium Negara	62
Gambar 20 Jemputan Membuat Persembahan Wayang Kulit Purwa di Perkarangan Muzium Negeri Kelantan	63
Gambar 21 Jemputan untuk Persembahan Wayang Kulit Purwo di Black Box Publika Kuala Lumpur	64
Gambar 22 Jemputan untuk Membuat Persembahan dan Demonstrasi Wayang Kulit Nusantara Anjuran Jabatan Muzium Malaysia	64
Gambar 23 Persembahan Wayang Kulit Purwo di Black Box Publika	65
Gambar 24 Persembahan Wayang Kulit Purwo di Black Box Publika	65

Gambar 25	
Surat Rasmi Sumbangan Dana Seni Budaya Petronas	68
Gambar 26	
Pengkaji Bersama Pengurus KKSB Di Hadapan Pentas Utama	81

SENARAI RAJAH

Rajah 1 Kerangka Konseptual	5
Rajah 2 Organisasi Dalam Bahagian Warisan Tak Ketara	19
Rajah 3 Instrumen Kajian	36
Rajah 4 Maklumat Tambahan Alatan Kajian	37
Rajah 5 Teras Utama Pengurusan Organisasi KKSB	73
Rajah 6 Strategi Pengurusan Organisasi KKSB	77
Rajah 7 7P Kepimpinan KKSB	83

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai tajuk kajian pengkaji iaitu hala tuju perkembangan warisan kesenian Jawa Wayang Purwa. Pemilihan lokasi kajian yang dipilih adalah berdasarkan wujudnya warisan kebudayaan yang masih aktif kegiatannya dalam permainan persembahan Wayang Purwa iaitu di daerah Batu Pahat, Johor. Majoriti penduduk yang tinggal di daerah Batu Pahat, Johor adalah dari suku kaum Jawa. Tambahan, pengkaji akan sedaya upaya menjelaskan tentang apa yang terdapat dalam kajian yang dilakukan kali ini.

Melalui kajian ini juga, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih terperinci tentang tajuk yang bakal dikaji. Oleh itu, tajuk kajian yang akan dikaji oleh pengkaji di dalam bab ini adalah berkaitan permasalahan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual, skop kajian, lokasi kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan antara masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian.

Seperti yang dinyatakan oleh Michael A. Fredericks (2011), terdapat empat jenis wayang kulit di Malaysia iaitu Wayang Kulit Kelantan, Wayang Melayu, Wayang Purwa dan Wayang Gedek. Wayang Kulit Kelantan yang disampaikan dalam bahasa Melayu loghat Kelantan dan berasas kepada pengaruh kaum Patani. Isi ceritanya pula adalah

berasaskan dari Hikayat Seri Rama. Seterusnya adalah Wayang Melayu yang disampaikan dalam bahasa Melayu berpengaruh Jawa dan hanya terdapat di Kelantan dan Terengganu sahaja. Diikuti dengan Wayang Purwa atau lebih dikenali di dalam masyarakat Jawa adalah Wayang Purwo. Wayang ini disampaikan dalam bahasa Melayu Jawa dan di selit dengan bahasa Melayu tempatan. Isi ceritanya pula berdasarkan cerita Pendawa Jawa yang diadaptasi daripada Epik Mahabharata India. Yang keempat adalah Wayang Gedek lazimnya disampaikan dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu loghat tempatan. Ia dikatakan berasal dari wayang kulit Siam, Nang Talung dan cerita yang disampaikan mempunyai persamaan dengan Nang Talung namun diselitkan juga cerita-cerita isu semasa.

Pengkaji lebih memfokuskan kajian ini kepada Wayang Purwa kerana ianya merupakan wayang kulit yang paling tertua kewujudannya dan merupakan tradisi kesenian Jawa yang semakin samar kelihatannya terutama di negeri Johor sendiri.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan lanjutan daripada beberapa objektif kajian yang telah dibentuk untuk mengenal pasti antara masalah yang dilihat. Justeru, terdapat beberapa persoalan utama yang belum terungkai untuk dikaji dan dikemukakan untuk dijadikan sebagai garis panduan bagi melancarkan kajian ini. Oleh itu, masalah yang ingin diketahui oleh pengkaji adalah seperti mengetahui hala tuju warisan kesenian Jawa Wayang Purwa ini kerana dilihat masih samar dan tidak mendapat sambutan masyarakat zaman kini mahupun pada masa akan datang.

Di samping itu, masyarakat sekarang kurang mengenali Wayang Purwa terutama masyarakat Jawa sendiri kerana terdapat beberapa cabaran utama dalam pengembangan warisan kesenian Jawa Wayang Purwa. Warisan kesenian Jawa Wayang Purwa ini juga masih tidak boleh berdiri setaraf dengan warisan pengurusan kesenian lain yang sedia ada.

Tambahan lagi, pengkaji akan menyelidik masalah seterusnya iaitu setiap golongan yang berbakat dan berpotensi bermain dalam kesenian Jawa Wayang Purwa ini masih berpeluang atau tidak berpeluang untuk divariasikan kelak.


1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dibuat adalah meliputi kepada tujuan keseluruhan sesebuah kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Antara objektif dalam kajian ini ialah :

- 1.3.1 Mengenal pasti cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh pihak yang berkaitan dengan kesenian Jawa Wayang Purwa untuk memperluaskan warisan kesenian ini ke luar kawasan Johor.
- 1.3.2 Mengkaji hala tuju utama dan hubungan kait warisan kesenian Jawa Wayang Purwa pada masa akan datang.
- 1.3.3 Menilai mengenai strategi pengurusan organisasi yang masih giat memperkembangkan warisan kesenian Jawa Wayang Purwa ini.

1.4 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ataupun dikenali juga sebagai kerangka teori merupakan sebuah fakta ataupun konsep penulisan yang akan digunakan dalam penulisan untuk mendefinisikan sebuah maksud tentang sesuatu perkara yang dikaji. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa konsep utama untuk mengutamakan maksud pengkaji seperti identiti Wayang Purwa, pengurusan dan warisan.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual

1.4.1 Identiti

Di dalam kajian ini, Wayang Purwa merupakan sebuah identiti masyarakat Jawa pada suatu zaman ketika dahulu dan ia merupakan permainan wayang yang paling diagungkan dalam masyarakat Jawa. Identiti melambangkan budaya sesebuah kaum dan

merupakan salah satu cara kepada tarikan pelancong. Sehingga kini persembahannya masih dijalankan walaupun kekurangan sambutan dan kelihatan semakin samar di masyarakat setempat. Pengkaji sendiri memilih untuk mengkaji sejauh mana hala tuju warisan ini dapat dikekalkan identitinya terutama di negeri kelahiran Wayang Purwa sendiri. Kebanyakan masyarakat yang menonton tidak tahu asal usul persembahan ini sebaliknya hanya menonton dan rata-rata golongan yang melihat terdiri daripada golongan lingkungan umur orang-orang tua.

1.4.2 Pengurusan

Pengurusan merupakan salah satu konseptual yang dapat dilihat dalam mencari hala tuju warisan kesenian Jawa Wayang Purwa. Ini kerana pengurusan di dalam sesebuah organisasi amat penting dalam menentukan hala tuju organisasi tersebut. Pengurusan dalam warisan kesenian Jawa Wayang Purwa ini hendaklah dikekalkan dan dirancang sepenuhnya. Di dalam buku *Management* oleh John A. Pearce II dan Richard B. Robincon, Jr (1989) menyatakan “Management is the process optimizing of human, material, and financial contributions that for the achievement of organizational goals”. Ia membawa maksud pengurusan adalah proses mengoptimumkan manusia, bahan dan sumbangan kewangan bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi.

Tambahan lagi, menurut buku *Management Theory and Practice* oleh Koontz dan O'Donnell (1983) “Managing is an operational process initially best dissected by analysing the managerial function. The five essential managerial functions are planning, organizing, staffing, directing and leading and controlling”, yang membawa maksud pengurusan